

24/09/2001

Maseu yakin MAS tidak lakukan VSS

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Kesatuan Kakitangan Penerbangan Malaysia (Maseu) yakin syarikat penerbangan nasional itu tidak akan menawarkan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) kepada sebahagian kakitangannya seperti dilaporkan akhbar hari ini.

Presiden Maseu, Alias Aziz, berkata ini kerana MAS ketika ini menghadapi masalah kekurangan kakitangan dalam pelbagai bidang termasuk anak kapal yang memerlukan antara 500 hingga 1,000 kakitangan baru.

"Jika MAS merancang untuk menawarkan VSS, kami bimbang mutu perkhidmatannya yang diakui antara terbaik di dunia, akan terjejas.

"Oleh kerana itu, Maseu yakin pihak pengurusan tidak akan menawarkan VSS memandangkan mereka memerlukan lebih ramai kakitangan untuk memastikan operasi berjalan lancar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, semalam yang berkata, MAS bercadang memberhentikan sebahagian pekerja menerusi VSS dalam proses penyusunan semula syarikat itu.

Dr Ling berkata, pemberhentian itu adalah satu opsyen dan pihak pengurusan MAS sedang menimbang perkara itu.

Bagaimanapun, beliau menolak andaian opsyen itu dibuat berikutan serangan terhadap Amerika yang menyebabkan banyak syarikat penerbangan di dunia menanggung kerugian.

Alias berkata, kenyataan Dr Ling itu jelas bercanggah dengan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kakitangan MAS tidak akan dibuang kerja apabila pengurusan baru mengambil alih syarikat.

Dr Mahathir baru-baru ini memberi jaminan bahawa kepentingan kakitangan MAS tetap dijaga walaupun pemilikan saham majoritinya sudah berubah kerana golongan itu menjadi aset paling berharga dalam kemajuan dan perkembangan negara.

Awal tahun ini, MAS mengalami penyusunan semula berikutan pengambilan 29.9 peratus ekuiti bekas Pengerusinya, Tan Sri Tajuddin Ramli melalui Naluri Berhad pada harga tunai RM8 sesaham atau RM7.792 bilion oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF).

Pengerusi MAS, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, ketika ditemui pada hari pertama menduduki jawatan berkenaan berkata, beliau belum dapat memastikan sama ada MAS mempunyai masalah lebihan kakitangan atau tidak.

Alias berkata, jika pengurusan MAS bercadang menawarkan VSS kepada 21,000 kakitangannya, sudah tentu pihak berkenaan menyentuh perkara itu dalam perbincangan yang diadakan sebelum ini.

(END)